



SIARAN MEDIA: PENJELASAN TERHADAP ARTIKEL MEDIA BERHUBUNG PROJEK OLEH SYARIKAT HELIOS PHOTOVOLTAIC SDN. BHD.

Merujuk kepada artikel di media berkenaan projek oleh Syarikat Helios Photovoltaic Sdn. Bhd, pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan ingin memberikan penjelasan rasmi berkenaan kenyataan syarikat dalam laporan media tersebut.

2. Pihak Syarikat melalui siaran media yang diedarkan telah menyatakan berkenaan pelancaran projek mega Helios Solar Park, Wildlife Safari Conservation and Resort di Negeri Kelantan. Projek pembangunan yang dianggarkan bernilai RM 5.5 billion tersebut turut dilaporkan akan dijalankan di kawasan seluas 3,000 ekar di Kelantan.

3. Pentadbiran ini telah meneliti laporan akhbar tersebut dan mendapati beberapa perkara adalah tidak memberi gambaran yang jelas sebagaimana dilaporkan. Hasil siasatan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan mendapati setakat ini tiada permohonan projek melibatkan syarikat berkenaan diterima atau dibincangkan melalui Invest Kelantan (Bahagian Pelaburan dan Penswastaaan Negeri Kelantan). Pihak Kerajaan Negeri tidak pernah bersetuju meluluskan pelaksanaan projek sebagaimana dinyatakan oleh Syarikat Helios Photovoltaic Sdn. Bhd.

4. Manakala semakan dengan pihak Suruhanjaya Tenaga didapati sehingga kini tiada sebarang kelulusan bagi projek di bawah skim CRESS (Corporate Renewable Energy Supply Scheme) di Negeri Kelantan sebagaimana dinyatakan oleh pihak syarikat. Kenyataan bahawa pihak syarikat terlibat di dalam projek CRESS di Kelantan mungkin masih di peringkat awal/perancangan dan tidak melibatkan sebarang kelulusan daripada Suruhanjaya Tenaga.

5. Selain itu, laporan tersebut juga tidak menyatakan dengan jelas lokasi dan status tanah di mana projek tersebut akan dilaksanakan. Kedudukan kewangan semasa syarikat berkenaan juga adalah tidak jelas kerana rekod kewangan dicatatkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia(SSM) hanya sehingga tahun 2019.

6. Pentadbiran ini ingin menyatakan kekesalan dengan pihak syarikat yang tidak terlebih dahulu merujuk berkenaan pernyataan siaran akhbar tersebut sebelum ianya diedarkan kepada media. Gambaran yang diberi melalui siaran media tersebut seolah-olah pihak Kerajaan Negeri telah meluluskan projek berskala besar tersebut sedangkan tiada sebarang permohonan yang dikemukakan melalui saluran yang betul.

7. Pihak media juga seharusnya melakukan semak silang dengan pentadbiran ini terlebih dahulu sebelum menerbitkan artikel berkenaan untuk mendapatkan pengesahan. Tindakan memaparkan maklumat tanpa usul periksa ini telah memberi gambaran yang salah terhadap reputasi pentadbiran ini.

8. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa mengamalkan prinsip ketelusan dalam segala urusan dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang sekiranya laporan tidak tepat ini terus disebarikan sehingga menjejaskan imej pentadbiran ini.

Sekian.



DATO' DR. TENGKU MOHAMED FAZIHARUDEAN AL-HAJ BIN TENGKU FEISSAL,
S.P.S.K., D.J.M.K. (Kelantan)
(TENGKU KAYA PERKASA)

BERTARIKH : 4 ZULKAEDAH 1447H
22 APRIL 2026